

17 JUN 2002

PARLIMEN-DANA

KERAJAAN TUBUH 47 DANA, RM15,625 JUTA PASTIKAN KREDIT PINJAMAN MENCUKUPI

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Kerajaan telah menubuhkan 47 dana dengan pembiayaan sebanyak RM15,625 juta di bawah pengelolaan pelbagai agensi bagi memastikan semua rakyat yang berkelayakan mempunyai kredit dan pinjaman pada kos yang berpatutan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan sudah melakukan segala yang perlu dalam menyediakan satu barisan tabung dan dana yang menyeluruh untuk membantu rakyat.

Beliau berkata sebagai langkah tambahan, kerajaan telah menyediakan bekalan dana yang mencukupi dengan menambahkan peruntukan ke atas tabung yang sedia ada di samping menurunkan kadar faedah pinjaman dan pembiayaan.

"Kerajaan juga telah meningkatkan lagi peranan Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd dengan membolehkan permohonan pinjaman disalurkan terus kepada CGC," kata Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, semasa menjawab soalan Muhammad Mustafa (Keadilan-Peringat) di Dewan Rakyat hari ini.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga telah mewartakan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 bagi membaiki keberkesanan operasi institusi kewangan pembangunan seperti Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Bhd, Bank Industri dan Teknologi Malaysia Bhd, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia dan bank Simpanan Nasional.

Dr Mahathir berkata kerajaan turut mewujudkan Unit Aduan dan Pengawasan Pinjaman dan Unit Pembangunan Bumiputera di Bank Negara Malaysia manakala institusi perbankan pula dikehendaki menubuhkan unit aduan untuk mengambil tindakan terhadap rungutan pelanggan dan mengadakan Piagam Pelanggan berhubung pemberian pinjaman Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Beliau berkata semua usaha berkenaan menunjukkan bahawa kerajaan tidak pilih kasih atau memihak sesiapa kerana kerajaan turut memberi perhatian secukupnya dan tumpuan kepada usahawan, peniaga atau penjaja kecil dan juga mereka di luar bandar.

Bagaimanapun menurut beliau, kerajaan sering menerima aduan bahawa institusi-institusi ini lambat dalam memproses pinjaman, tidak memberi keutamaan kepada usahawan kecil atau menggunakan kriteria penilaian pinjaman sama seperti syarikat atau usahawan besar.

"Sekiranya kriteria yang sama diguna pakai untuk menilai permohonan pinjaman daripada usahawan kecil atau IKS dan syarikat gergasi, sudah tentunya IKS tidak akan berjaya mendapat pembiayaan.

"Di sini saya berharap institusi kewangan akan memainkan peranan sebagai warga korporat yang bukan sahaja mementingkan keuntungan tetapi melaksanakan tanggungjawab sosialnya dalam menjayakan agenda nasional," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan telah menubuhkan satu pasukan petugas di bawah Unit Perancang Ekonomi bagi mengkaji untuk menggabung serta merasionalisasikan semua tabung yang sedia ada bagi memudahkan pemantauan dan mengurangkan kekeliruan di kalangan peminjam serta memudahkan usahawan membuat rujukan untuk mendapatkan pinjaman.

Menurut Dr Mahathir, kerajaan akan meneliti perakuan pasukan petugas itu apabila kajiannya disiapkan kelak dan mengambil tindakan sewajarnya supaya rakyat dapat terus menikmati kemudahan kredit pada kos yang berpatutan.

Menjawab soalan tambahan dari Muhammad, Perdana Menteri berkata kerajaan telah menubuhkan Danaharta, Dana Modal dan Jawatankuasa Penyusunan

Semula Hutang Korporat (CDRC) bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat besar.

"Satu cara menyelesaikan masalah syarikat-syarikat ini adalah dengan cara menangani masalah hutang tidak berbayar mereka dan ini dapat diselesaikan dengan pengurangan hutang yang diterima oleh apa yang dipanggil sebagai "hair-cut" oleh bank-bank.

"Ini dapat menyelesaikan banyak daripada masalah syarikat-syarikat besar ini tanpa menggunakan wang dari dana-dana yang disediakan, dan tak banyak wang dari dana ini yang telah digunakan. Sebab itu kita masih ada sampai lebih RM15 bilion (dana)," katanya.

Kepada satu lagi soalan Muhammad, Perdana Menteri berkata terdapat banyak perbezaan antara IKS di Malaysia dengan Korea kerana ekonomi negara itu jauh lebih besar.

Beliau berkata walaupun mereka mempunyai pengurusan IKS yang baik, apabila kerajaan memberikan bantuan yang sedikit, mereka dapat menyelesaikan sebarang masalah.

"Di sini banyak juga bantuan diberi tapi oleh kerana pengurusan tidak begitu cekap, maka mereka tidak dapat pulihkan," katanya lagi.

-- BERNAMA
AZH AZH NHD